

Penskoran Modul Kecemerlangan Percubaan PT 3

Negeri Pahang 2017

BAHASA MELAYU
DUA JAM

Markah penuh	: 100 markah
Bahagian A (Sistem Bahasa)	: 25 markah
Bahagian B (Pemahaman)	: 30 markah
Bahagian C (Ulasan)	: 15 markah
Bahagian D (Karangan)	: 30 markah

BAHAGIAN A
[25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.
 - (i) Golongan kanak-kanak di bawah umur enam tahun **adalah tidak** wajar diberi bebanan kerja berat kerana boleh merencatkan tumbesaran otak.
adalah tidak - tidak
 - (ii) Bendahara Paduka Raja **berjumpa** baginda Sultan Mansur Syah untuk sembah maklum bahawa utusan dari Negara China sudah tiba di Melaka.
berjumpa-mengadap
 - (iii) Kakak gemar amat memasukkan **cili serbuk** dalam setiap menu masakan yang dihidangkan di restoran baharunya.
cili serbuk – serbuk cili
 - (iv) Bayaran **mereka terima** itu tidak setara dengan kerja berat yang telah dilakukan.
Mereka terima – diterima oleh mereka [8 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis** ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Pasukan **snooker** negara menyasarkan pencapaian minimum tiga pingat emas dalam sukan SEA yang akan berlangsung pada bulan Ogos nanti .

snooker-snuker

(ii) Kerajaan Pahang telah bersetuju untuk mengadakan acara berakit menghilir Sungai Pahang sebagai acara **dwi tahunan** dalam kalendar pelancongan negeri.

dwi tahunan-dwitahunan

(iii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia akan mengadakan pemilihan kenaikan pangkat secara proses temu duga supaya dapat **mengenalpasti** pegawai yang benar-benar layak.

Mengenalpasti-mengenal pasti

[3 markah]

3. Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

(i) Puncak Gunung Kinabalu semakin kabur dari pandangan.

FN + FA

(ii) Negara-negara Afrika telah bekerjasama dengan pakar-pakar dari negara barat dalam menangani masalah penyakit berjangkit yang semakin serius kini.

FN + FK

(iii) Izati dan keluarganya akan ke Arab Saudi hujung tahun ini untuk menunaikan ibadat umrah.

FN + FS

(iv) Basirah seorang wartawan sukan di Media Prima.

FN + FN

(v) Kuit tepung pelita itu dikukus oleh murid-murid kelainan upaya.

FN + FK

[10 markah]

4. Lihat setiap gambar tunggal yang diberi, kemudian nyatakan satu peribahasa berdasarkan setiap gambar tersebut

(i)




- gajah berjuang sama gajah pelanduk mati di tengah-tengah (1M)
- hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah (1M)
- Kuman di seberang lautan tampak, gajah di pelupuk mata tiada tampak, (1M)

(ii)



- Bagai ayam mengarang telur/Bagai ayam mengeram telur. (1M)
- Umpama ayam menetas telur itik, anaknya itu ke air juga. (1M)
- Penyu itu bertelur beribu-ribu, seorang pun tidak tahu; ayam bertelur sebiji, pecah khabar sekampung / Penyu bertelur beratus-ratus banyaknya, senyap; ayam bertelur sebutir saja hingar sekampung. (1M)
- Telur di hujung tanduk. (1M)
- Telur sesangkak, pecah satu pecah semua./ Seperti telur dua sebandung, pecah satu pecah keduanya. (1M)

(iii)



- Bulan jatuh diribaan/ bulan turun ke ribaannya (1M)
- Bulan di pagar bintang (1M)
- Seperti bulan dengan matahari (1M)
- Seperti pungguk merindukan bulan (1M)

(iv)



- Seperti cincin dengan permata (1M)
- Bagai si kudung beroleh cincin /Jari kudung dimasukkan cincin. (1M)

(4 M)

Bahagian B Pemahaman dan Novel
(30 markah)

Soalan 5 dan 6

Markah	Kriteria
3 markah	-Isi cukup / lengkap dengan ayat yang gramatis
2 markah	-Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis atau -Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	-Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	-Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis atau -Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

MARKAH	KRITERIA
4 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

Soalan 5 (a)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat sendiri.

(i) Sebab-sebab pemerintahan Maharaja Indera Angkasa menjadi masyhur ialah:

- Memerintah dengan adil
- Seorang yang beradat/peramah
- Mempunyai kesaktian

(Isi cukup 2)

(ii) Berdasarkan petikan prosa, dua pengajaran yang saya pelajari ialah:

- Kita perlulah yakin kepada kekuasaan Tuhan/Allah. Sebagai contoh : dengan takdir Allah Taala menunjukkan kekayaan dan lagi kelakuan kudrat-Nya, maka dengan takdir Allah jadilah sebuah negeri dengan selengkapnya takhta kerajaan.
- Kita perlu menjadi pemimpin atau ketua yang adil agar Negara aman/sentosa/sejahtera. Sebagai contoh: Maharaja Indera Angkasa duduk di atas takhta kerajaan dengan adil sekali ia menjadi raja di keenderaan
- Kita perlu mempunyai budi pekerti yang baik agar disenangi oleh semua orang. Sebagai contoh : Maharaja Indera Angkasa duduk di atas takhta kerajaan dengan tegur sapaanya segala menteri hulubalang rakyat sekaliannya itu betapa adat sekali ia menjadi raja di keenderaan

Terima jawapan-jawapan lain yang relevan

(isi cukup 2)

(iii) Ciri-ciri pemimpin yang berketrampilan ialah :

- Boleh membuat keputusan dengan cepat dan tepat
- Mempunyai skil kepimpinan
- Tidak pilih kasih dalam melayan pekerjanya.
- Prihatin terhadap keperluan pekerja

Terima mana-mana jawapan yang relevan – isi fokus kepada isi yang sesuai untuk pemimpin sahaja, bukan umum

(isi cukup 3)

6. Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Penyajak ingin berterima kasih kepada hujan dan tanah kerana :

- Hujan mendinginkan jiwa
- Hujan memadamkan amarah
- Tanah sentiasa mengeluarkan hasil
- Tanah memberi rezeki kepada petani

(Isi cukup 2)

2. **Dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut ialah; [3 markah]

- Kepentingan hujan yang mendinginkan suasana. Sebagai contoh;

kepadamu hujan bagai tetamu
jiwa pun menjadi dingin
api amarah pun terpadam.

- Menghargai jasa perwira negara. Sebagai contoh;

kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

- Berbakti kepada tanah akan membuahkan hasil. Sebagai contoh;

kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

- Sikap manusia menyebabkan dunia tidak aman. Sebagai contoh;

kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnyanya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini

- Muhasabah diri akan mendekatkan diri kepada pencipta/Tuhan. Sebagai contoh;

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerlahkan keinsafan

(Terima mana-mana yang relevan)

Isi cukup 2 (1+1)

3. Cara untuk kita mengenang jasa para pejuang negara ialah;

- Membaca buku bibliografi mengenai pejuang
- Memberi anugerah pingat kebesaran
- Memberi bantuan berbentuk material/keperluan/wang
- Membina monumen/tugu peringatan
- Memberi nama jalan/bangunan sempena nama pejuang negara

(Terima lain-lain yang relevan)

Isi cukup 3

6. Novel

Pembahagian Markah PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

7. Watak utama memainkan peranan penting untuk menghidupkan jalan cerita dalam sesebuah novel kerana watak utama sering dihadapkan dengan pelbagai cabaran.

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan tiga perwatakan watak utama sebagai seorang yang tabah.

Watak utama Pernyataan peristiwa	Alias Contoh peristiwa
Seorang yang tabah dalam mencari ilmu/belajar	Alias tabah mencari mengulang kaji pelajaran dengan menggunakan pelita kerana rumahnya tiada bekalan elektrik
Seorang yang tabah mencari rezeki	Setelah kematian bapa dan ibunya lumpuh Alias tabah mencari rezeki memetik buah kelapa dengan Chot
Seorang yang tabah menjaga ibu yang sakit	Alias tabah menyediakan makanan untuk ibunya yang lumpuh. Alias mengumpul duit untuk membeli ubat batuk buat ibunya yang sakit
Seorang yang tabah menghadapi dugaan	Alias tabah menghadapi dugaan apabila sering diganggu oleh Budin, Kamal dan Talib (budak-budak nakal di kampungnya)

(Lain-lain isi yang relevan diterima)

Kriteria Markah Bahasa PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	4 markah	<input type="checkbox"/> Bahasa baik dan lancar <input type="checkbox"/> Ayat gramatis <input type="checkbox"/> Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	2 - 3 markah	<input type="checkbox"/> Bahasa masih baik dan masih lancar

		<input type="checkbox"/> Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum <input type="checkbox"/> Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Kurang Memuaskan	1 markah	<input type="checkbox"/> Bahasa tidak cekap <input type="checkbox"/> Ayat tidak gramatis <input type="checkbox"/> Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

1. Maksimum : 3 isi
2. Bukti yang relevan dan contoh peristiwa yang sesuai : 2 markah
3. Bukti yang relevan tanpa contoh peristiwa yang sesuai : 1 markah

Bahagian C : (Ulasan)

Soalan 8

Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:

- (a) pemeriksa perlu memberikan penekanan pada idea yang ditulis oleh calon
- (b) bahasa dinilai secara tanggapan (impression) berdasarkan kriteria
- (c) pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan jawapan karangan
- (d) peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	13 - 15	Idea - Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan - Ulasan idea yang jelas dan matang Bahasa - Ayat gramatis - Kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca betul - Penanda wacana yang betul - Kesalahan bahasa yang minimum
Baik	09 - 12	Idea - Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan - Ulasan idea yang jelas Bahasa - Ayat masih gramatis - Kosa kata luas

		<ul style="list-style-type: none"> - Ejaan dan tanda baca masih betul - Penanda wacana yang masih betul - Kesalahan bahasa yang masih minimum
Kurang Memuaskan	05 - 08	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Isi tersurat atau tersirat yang masih relevan dengan bahan - Ulasan idea yang kurang jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ayat kurang gramatis - Kosa kata terhad - Kesalahan bahasa yang ketara
Penguasaan Minimum	01 - 04	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap

Cara penandaan dan pemberian markah ulasan:

(i) pemeriksa dikehendaki menandakan (/) apabila terjumpa isi.

(ii) baca dan periksa setakat 100 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.

(iii) buat satu garisan panjang selepas 100 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.

Cadangan Skema Bahagian C

Kebaikan Sukan

<i>Aspek</i>	<i>Kebaikan</i>
Fizikal	Membina stamina lebih cergas
Mental	Membantu mencerdaskan minda
Emosi	Meningkatkan keceriaan dalam diri
Kerjaya	Menjana pendapatan tinggi

Isi Tersurat

-mana-mana isi daripada bahan rangsangan

Isi Tersirat

-huraian isi atau maklumat tambahan berkaitan kebaikan sukan

Bahagian D : (Karangan)

Soalan 9

Soalan 9 PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	26 - 30
Kepujian	20 - 25
Baik	15 - 19
Kurang Memuaskan	10 - 14
Penguasaan Minimum	01 - 09

Kriteria Penskoran PERINGKAT	MARKAH	DESKRIPSI
Cemerlang	26 - 30	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas, menarik dan matang - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Ejaan dan tanda baca betul - Kesalahan bahasa minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana tepat - Penggunaan ungkapan menarik tepat dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik
Kepujian	20 - 25	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea relevan dengan tugas - Huraian idea jelas dan menarik - Contoh yang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis - Penggunaan kosa kata luas - Ejaan dan tanda baca yang betul - Kesalahan bahasa minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai - Format menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana sesuai - Penggunaan ungkapan menarik sesuai dan berkesan seperti peribahasa / pantun / cogan kata / frasa yang menarik.

Baik	15 - 19	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan dengan tugas - Huraian idea masih jelas dan masih menarik - Contoh yang masih sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis - Penggunaan kosa kata masih luas - Ejaan dan tanda baca masih betul - Kesalahan bahasa masih minimum <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan masih menarik, dan masih berkesan dengan pemerenggan yang masih sesuai - Format masih menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana masih sesuai
Kurang Memuaskan	10 - 14	<p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea kurang relevan dengan tugas - Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik - Tiada contoh atau contoh kurang sesuai <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis - Penggunaan kosa kata terhad - Kesalahan bahasa ketara <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik, kurang berkesan dan pemerenggan yang kurang sesuai - Format kurang menepati kehendak tugas - Penggunaan penanda wacana kurang sesuai
Penguasaan Minimum	01 - 09	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah - Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan / terpesong.

Langkah-langkah memeriksa

1 Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (*impression*) daripadanya. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan mengikut karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.

2 Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk membuat pertimbangan yang muktamad. Ketika membaca, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti berikut:

Kesalahan bahasa, perkataan dan frasa

Kesalahan ejaan

Kesalahan ejaan yang berulang

Kesalahan tanda baca

Kesalahan isi / fakta

Cadangan Skema Bahagian D

Soalan i

Anda merupakan seorang pegawai kesihatan yang ditugaskan menyampaikan ceramah tentang penularan penyakit berjangkit di salah sebuah sekolah di kawasan anda.

Ceramah anda berkisar tentang langkah-langkah pencegahan untuk membasmi penularan penyakit berjangkit di tempat anda.

Tulis teks ceramah anda selengkapnya.

Tafsir Soalan:

Tema: Penyakit berjangkit

Tugasan: Langkah-langkah Pencegahan

Fokus: -

Format: Ceramah

Cadangan Rangka:

Format:-

-Kata Alu-aluan

-Panggilan Hormat

-Penutup

Idea:-

Pendahuluan:-

-alu-aluan kepada Pengetua, pentadbir, guru-guru dan murid-murid

-tujuan kehadiran

-penghargaan atas jemputan

-senario penyakit berjangkit sekarang- bahaya penyakit

Isi-isi Penting

1. Mengawal pengambilan makanan-seimbang berdasarkan piramid makanan
2. Menjaga kebersihan diri dan persekitaran

3. Membuat pemeriksaan kesihatan-rutin dan berkala
4. Mengamalkan senaman-kecergasan badan agar lebih aktif
5. Mendapatkan maklumat kesihatan-sentiasa peka dengan makluman

Penutup

- kesedaran semua pihak
- perubahan gaya hidup agar penyakit tidak berjangkit

Soalan ii

*Peribahasa di atas mengaitkan kepentingan usaha dalam mencapai kecemerlangan dalam hidup. Kemukakan pendapat anda tentang **usaha-usaha** yang perlu dilakukan agar beroleh kecemerlangan.*

Tafsir Soalan:

Tema: Kejayaan dalam hidup

Tugasan: Usaha-usaha untuk berjaya

Fokus: -

Format: Pendapat

Cdangan Rangka:

Pendahuluan:-

Definisi kejayaan dalam hidup

Contoh kejayaan-kerjaya, akademik, agama, keluarga dll

Impak kejayaan-kualiti hidup

Isi-isi Penting

1. Individu -Menetapkan cita-cita/matlamat
2. Ibu bapa- mendidik/membimbing anak2 sejak kecil
3. Sekolah/kerajaan- kesedaran sejak bangku sekolah-seminar, kursus, pendidikan di kelas/mata pelajaran dll
4. Media massa-pendedahan dan bimbingan dan peluang
5. Individu/Ibu bapa/Keluarga- meningkatkan ibadat seperti berdoa, bersolat dll

Penutup

- sebagai jaminan hidup
- disegani dan dihormati oleh masyarakat
- gigih dan sabar menempuhi cabaran

Soalan iii

Anda dan keluarga baru kembali daripada percutian yang sangat menarik di salah sebuah destinasi dalam negara ini. Percutian sekeluarga ini merupakan pengalaman yang manis dalam hidup anda.

Perihalkan pengalaman anda mengikuti percutian tersebut.

Tema: Pelancongan/Percutian

Tugasan: Pengalaman bercuti bersama-sama keluarga

Fokus: -

Format: Keperihaln

Cadangan Rangka Idea

Pendahuluan:-

-butir-butir aktiviti : ahli keluarga yang terlibat, tarikh melancong, destinasi, pengangkutan dll

Isi-isi Penting

1. Perasaan sebelum bertolak/persiapan dilakukan ahli keluarga
2. Faktor destinasi tersebut dipilih
3. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan- aktiviti paling menarik
4. Pengalaman paling manis
5. Kesan aktiviti kepada ahli keluarga

Penutup

-harapan